

A network diagram consisting of several circular icons, each containing a stylized person silhouette. These icons are interconnected by white lines, forming a web-like structure. The background is a vibrant red with abstract, rounded rectangular shapes and a subtle grid pattern.

REFERENCE MANAGER MENDELEY

PANDUAN PRAKTIKAL DAN MUDAH

dengan integrasi tutorial video

Mohd Fadzil Abdul Hanid
Syaheeda Nordin



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

REFERENCE MANAGER
MENDELEY

PANDUAN PRAKTIKAL
DAN MUDAH

dengan integrasi tutorial video

UTM

REFERENCE MANAGER **MENDELEY** PANDUAN PRAKTIKAL DAN MUDAH

dengan integrasi tutorial video

Mohd Fadzil Abdul Hanid
Syaaheeda Nordin



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Penerbit
UTM Press

www.penerbit.utm.my

2025

Edisi Pertama 2025
© MOHD FADZIL ABDUL HANID & SYAHEEDA NORDIN 2025

Hak cipta terpelihara. Tiada dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan cara apa jua sama ada dengan cara elektronik, fotokopi, mekanikal, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Penulis/*Author*: **MOHD FADZIL ABDUL HANID & SYAHEEDA NORDIN**
Editor Penyelaras/*Acquisition Editor*: **AHMAD FADHLI SYED HASSAN**
Diatur Huruf oleh/*Typeset by*: **MOHD FADZIL ABDUL HANID**
Pereka Kulit/*Cover Designer*: **NORIZAN YAACOB**

Diterbitkan di Malaysia oleh /
Published in Malaysia by:

PENERBIT UTM PRESS
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
81310 UTM Johor Bahru
Johor Darul Ta'zim, MALAYSIA
(PENERBIT UTM ahli MAJLIS PENERBITAN
ILMIAH MALAYSIA – MAPIM dan anggota
PERSATUAN PENERBIT BUKU MALAYSIA
– MABOPA dengan no. keahlian 9101)

Dicetak di Malaysia oleh /
Printed in Malaysia by:

JASAMAX ENTERPRISE
No. 16, Jalan Kebudayaan 2
Taman Universiti 81300 Skudai
Johor Darul Ta'zim, MALAYSIA



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati dari
Perpustakaan Negara Malaysia
ISBN 978-983-52-2150-7

BA B

1

PENGENALAN KEPADA MENDELEY REFERENCE MANAGER

1.1 PENGENALAN

Mendeley Reference Manager (2025) adalah sebuah perisian pengurusan rujukan dan jaringan sosial akademik yang direka untuk menyokong penyelidik dalam mengurus, berkongsi, dan meneliti rujukan akademik secara lebih berkesan. Mendeley menyediakan platform yang memudahkan pengguna untuk menyimpan, mengatur, dan mengumpul literatur akademik dalam satu tempat, menjadikan proses penulisan dan penyelidikan lebih sistematik dan teratur.

Dibangunkan oleh Elsevier, Mendeley memudahkan pengguna untuk mengimport rujukan dari pelbagai sumber seperti pangkalan data dalam talian, katalog Library dan juga melalui integrasi dengan pelayar web. Selain itu, Mendeley turut menyediakan ciri-ciri anotasi PDF yang membolehkan pengguna menambah nota dan sorotan terus pada dokumen yang sedang dikaji, sekali gus meningkatkan kecekapan dalam proses pembacaan dan analisis.

Mendeley bukan sahaja berfungsi sebagai pengurus rujukan, tetapi juga sebagai platform kolaborasi penyelidikan. Pengguna boleh berkongsi koleksi rujukan dengan rakan penyelidik atau ahli kumpulan lain dan membolehkan mereka untuk bekerjasama secara lebih berkesan. Dengan ciri ini, Mendeley membantu dalam menyatukan pelbagai perspektif dan penemuan dalam satu tempat, iaitu aspek yang sangat penting untuk pembangunan idea penyelidikan yang lebih mendalam.

Mendeley juga mengintegrasikan elemen jaringan sosial, iaitu penyelidik dari pelbagai bidang boleh menyambung dan berinteraksi, berkongsi artikel, dan mendapatkan maklum balas daripada komuniti akademik global. Ini memberikan peluang kepada pengguna untuk membina rangkaian penyelidikan yang luas dan mengakses sumber pengetahuan yang pelbagai.

Secara keseluruhannya, Mendeley Reference Manager ialah alat yang sangat berguna dalam memudahkan pengurusan dan penghasilan karya ilmiah serta memperkukuh kerjasama dalam dunia penyelidikan akademik.

1.2 KAJIAN LITERATUR

Penggunaan Mendeley semakin popular dalam kalangan penyelidik dan pelajar oleh kerana antara muka yang mesra pengguna, mudah digunakan serta percuma. Mendeley juga merupakan alat pengurusan rujukan di dalam konteks akademik yang menunjukkan potensi besar dalam meningkatkan kecekapan pengurusan maklumat dan sumber rujukan. Kajian oleh Panda (2023) menyatakan bahawa kemahiran teknikal dalam menggunakan perisian pengurusan rujukan seperti Mendeley amat penting dalam kalangan pelajar dan penyelidik untuk memudahkan penyusunan rujukan secara sistematik. Penggunaan Mendeley sememangnya dapat mempercepatkan proses penyelidikan serta dapat membantu mengurangkan risiko kesilapan dalam membuat penyusunan sitasi yang sering terjadi apabila dilakukan secara manual (Panda, 2023). Seterusnya, pengguna dapat mengatur artikel jurnal, buku, dan dokumen lain dengan lebih berkesan menggunakan kata kunci atau tag yang relevan, yang seterusnya memudahkan pencarian semula rujukan dalam penulisan akademik (Jones et al., 2021).

Mendeley juga merupakan platform yang mampu menyokong kolaborasi dan perkongsian maklumat dalam kalangan komuniti akademik. Pengguna boleh membentuk kumpulan kajian atau menyertai kumpulan sedia ada untuk berkongsi rujukan dan maklumat terkini dalam bidang yang sama. Smith et al. (2022) menyatakan ciri-ciri sosial yang ada di dalam Mendeley adalah seperti kumpulan kolaboratif

dan perkongsian artikel, iaitu sekali gus membolehkan penyelidik dari pelbagai sudut bidang berinteraksi dan berkongsi idea dengan lebih efektif. Hal ini dapat meningkatkan keterbukaan dan akses kepada maklumat yang relevan dalam bidang kajian tertentu, sekali gus menyumbang kepada peningkatan literasi maklumat pengguna (Smith et al., 2022). Secara tidak langsung, sokongan kolaboratif di dalam Mendeley dapat memupuk jaringan di antara penyelidik yang amat penting dalam membuat pertukaran ilmu dan idea di dalam komuniti mereka. Di samping itu, dari aspek pelajar pula, Mendeley menyokong pembelajaran kolaboratif iaitu meningkatkan keupayaan kritikal dan analitis dalam kalangan pelajar dan penyelidik (Tehmina & Pamela, 2015).

Penggunaan Mendeley di dalam pendidikan juga memberi peranan yang penting pada masa kini kerana sedikit sebanyak terkait dengan literasi digital yang sering diaplikasikan pada era terkini khususnya dalam kalangan pelajar universiti. Kajian Naaz & Mohmad (2023) mendapati penggunaan Mendeley sebahagian daripada strategi pembelajaran yang membantu pelajar meningkatkan kemahiran pencarian dan penilaian sumber akademik yang lebih berkesan. Hal ini demikian kerana Mendeley sendiri mempunyai fungsi-fungsi yang sememangnya dapat membantu meringankan tugas pengguna seperti anotasi, pengurusan dokumen PDF dan alat carian lanjutan yang memperkayakan pengalaman pembelajaran serta membantu pelajar mengembangkan kemahiran literasi maklumat yang lebih mendalam (Naaz & Mohmad, 2023). Walaupun Mendeley membawa pelbagai manfaat namun menurut Zainuddin et al. (2023) pengguna perlu memahami cara untuk menyusun rujukan, memanipulasi data serta menyelesaikan masalah teknikal yang mungkin akan timbul dan literasi digital adalah penting bagi pengguna untuk memaksimumkan fungsi Mendeley dalam pengurusan literatur akademik mereka.

Amalan beretika ketika membuat penulisan perlu diterapkan oleh semua penulis dari peringkat pelajar sehingga penyelidik yang bertauliah. Mendeley turut menyokong amalan penyelidikan yang beretika dengan membantu pengguna dalam memastikan setiap sitasi dan bibliografi di dalam penulisan akademik yang ditulis adalah tepat dan konsisten. Selain itu, Mendeley menyediakan fungsi automasi

TUTORIAL VIDEO PEMASANGAN PERISIAN MENDELEY DI KOMPUTER



Pautan Youtube (Channel Fadzil Hanid) :
https://youtu.be/suHOFMkHHvM?si=wHdB_VO3FcioXiM7

REFERENCE MANAGER MENDELEY

PANDUAN PRAKTIKAL DAN MUDAH

dengan integrasi tutorial video

Buku ini merupakan panduan komprehensif dan praktikal dalam penggunaan Mendeley Reference Manager, iaitu perisian pengurusan rujukan yang telah merevolusikan cara penyelidik dan pelajar menyusun serta mengurus sumber ilmiah dalam penulisan akademik. Selain dilengkapi dengan video tutorial, buku ini turut menyediakan pendekatan pembelajaran yang interaktif dan mudah difahami serta menjadikannya sesuai untuk semua peringkat pengguna sama ada pemula mahupun pengguna berpengalaman. Mendeley Reference Manager yang dibangunkan oleh Elsevier menawarkan pelbagai ciri penting termasuk penyimpanan awan, anotasi PDF, pengurusan koleksi rujukan secara automatik serta integrasi dengan perisian penulisan seperti Microsoft Word. Mendeley Reference Manager juga menyokong gaya sitasi terkini seperti APA, IEEE dan MLA sekali gus menjadikan proses penyusunan bibliografi lebih pantas dan tepat. Buku ini turut mengetengahkan pelbagai aspek penting seperti cara menambah rujukan daripada pangkalan data, mengurus rujukan duplikasi, menyusun nota dalam dokumen PDF, dan menambah tag untuk memudahkan pencarian. Selain itu, Mendeley Reference Manager juga menyoroti fungsi kolaboratif menerusi Mendeley Groups serta kebolehan mencari rujukan menggunakan enjin carian terbina dalam Mendeley Reference Manager. Antara keistimewaan buku ini ialah ia turut membincangkan penggunaan Mendeley Data untuk menyimpan dataset penyelidikan, amalan etika penyelidikan, dan fungsi kecerdasan buatan Generatif AI yang mula diperkenalkan dalam versi terbaharu Mendeley. Pada akhir buku ini, penulis turut berkongsi pengalaman peribadi menggunakan Mendeley dalam projek penyelidikan sebenar serta panduan menangani masalah lazim pengguna.

Sebagai rujukan penting dalam era digital, buku ini diharapkan dapat memperkasa komuniti akademik di Malaysia untuk memanfaatkan teknologi pengurusan rujukan secara optimum. Buku ini bukan sahaja menyumbang kepada peningkatan kualiti penyelidikan malah memperkukuh budaya penulisan ilmiah yang berintegriti dan profesional.



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Penerbit
UTM Press

UTM PRESS

ISBN 978-983-52-2150-7

